

21 JUN 1996

MIRZAN KINI PEMEGANG SAHAM UTAMA ARTWRIGHT

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Mirzan bin Mahathir hari ini mengumumkan bahawa beliau adalah pemegang saham utama dalam Artwright Holdings Bhd sehingga 4 Jun, 1996, dengan miliki 4.992 juta saham yang dipegangnya menerusi PFA Nominees (M) Sdn Bhd.

Dalam Borang 29A mengisytiharkan pegangannya itu, beliau berkata saham-saham yang dipegang adalah secara tidak langsung menerusi Iskandar Holdings Sdn Bhd.

Artwright Holdings adalah syarikat pembuat perabot pejabat yang disenaraikan di papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur. -- BERNAMA

ZMY MA